

SOALAN NO: 193

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

SOALAN :

YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyemak semula untuk membangun Klinik 1Malaysia di Belawai dalam kawasan Parlimen Tanjong Manis.

Tuan Yang di-Pertua,

Penduduk dalam kawasan Parlimen Tanjong Manis yang seramai 16,000 orang mendapat perkhidmatan dari 7 buah klinik kesihatan (KK) iaitu KK Belawai, KK Tanjong Manis, KK Kuala Rejang, KK Paloh, KK Tekajong, KK Bruit dan KK Betanak.

Sebuah fasiliti kesihatan baru iaitu Klinik Kesihatan Semop (Jenis 6) dengan kuarters akan dibina sebagai projek sambungan RMK-10. Oleh yang demikian, belum ada perancangan untuk membangunkan Klinik 1Malaysia baru di kawasan tersebut.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK HAJAH NORAH BINTI
DARIPADA ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat rancangan Kementerian untuk mengiktiraf ijazah sarjana pendidikan dari Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Terdapat empat (4) program **Ijazah Sarjana Pendidikan** yang telah mendapat akreditasi dan telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan untuk ditawarkan oleh Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), iaitu:

- (a) Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-Kanak).
- (b) Ijazah Sarjana Pendidikan (Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan).
- (c) Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling).
- (d) Ijazah Sarjana (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua).